

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

SEU 314 - Ekonomi Antarabangsa

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab soalan 1 di Bahagian A, soalan 2 di Bahagian B, soalan 3 di Bahagian C dan soalan 4 di Bahagian D.
3. Tuliskan jawapan untuk Bahagian A di ruang kosong yang disediakan; tuliskan jawapan untuk Bahagian B, C dan D di dalam buku jawapan.
4. Mesin kira tak berprogram boleh digunakan.
5. Jangan ceraikan mana-mana muka surat. Serahkan keseluruhan kertas jawapan kepada Ketua Pengawas.

BAHAGIAN A (60 markah)

1. Jawab **SEMUA** soalan berikut ([A] - [K]); tuliskan jawapan anda di ruang kosong yang telah disediakan.

[A] Kaji jadual di bawah. Berasaskan jadual ini, bagi setiap kes yang disenaraikan di bawah, tentukan sama ada pernyataan berkenaan **BENAR** atau **SALAH**.

Kes 1 Negara A mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi X.

[a] BENAR [b] SALAH

Kes 2 Negara B mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi X.

[a] BENAR [b] SALAH

Kes 3 Negara B mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi X dan negara A mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi M.

[a] BENAR [b] SALAH

Kes 4 Jika harga relatif X yang muncul di pasaran dunia ialah 2, hanya negara A sahaja mendapat faedah daripada perdagangan.

[a] BENAR [b] SALAH

Kes 5 Jika harga relatif X yang muncul di pasaran dunia ialah 2, negara A dan negara B mendapat faedah daripada perdagangan.

[a] BENAR [b] SALAH

Negara	Output per unit input									
	Kes 1		Kes 2		Kes 3		Kes 4		Kes 5	
	X	M	X	M	X	M	X	M	X	M
A	1/5	1/4	16	36	18	21	10	5	10	10
B	2/5	3/4	16	32	21	18	5	10	10	30

[5 markah]

[F] (a) Mengapakah sebuah negara kecil tidak boleh memperbaiki syarat niaganya dengan mengenakan tarif?

(b) Kaji Rajah F, yang menunjukkan keluk tawaran negara A (OA) dan keluk tawaran negara B (OB); is ialah keluk sama puas niaga. Titik keseimbangan bertanda x.

Andaikan negara besar mengenakan satu kadar tarif. Wakilkan pengenaan tarif ini di dalam Rajah F dan tandakan titik kesimbangan baru dengan huruf y. Di titik keseimbangan baru, lukiskan keluk sama puas niaga negara A, tandakannya isA dan keluk sama puas niaga negara B, tandakannya isB.

Apakah kesan pengenaan tarif ini terhadap:

Syarat niaga negara A: _____


Syarat niaga negara B: _____

Kebajikan masyarakat negara A: _____

Kebajikan masyarakat negara B: _____

Jumlah dagangan komoditi X: _____

Jumlah dagangan komoditi M: _____



Rajah F

[5 markah]

- [J] Jadual di bawah mengandungi maklumat pasar kacang tanah di sebuah negara kecil, yang mana permintaan domestik tidak anjal sempurna.

	Perdagangan	
	Bebas	Kuota
Harga import (\$)	10	10
Harga dalam negeri (\$)	10	12
Kuantiti diminta (j kg.)	30	
Penawaran dalam negeri (j kg.)	15	20
Jumlah import (j kg.)	_____	_____

- (a) Lengkapkan maklumat di dalam jadual di atas.
- (b) Rajahkan pasar kacang tanah.
- (c) Hitungkan nilai kerugian yang ditanggung oleh masyarakat jika hasil kuota dipungut oleh unit-unit ekonomi dalam negeri.
- (d) Hitungkan nilai kerugian yang ditanggung oleh masyarakat jika hasil kuota dipungut oleh unit-unit ekonomi di negara asing.

[6 markah]

BAHAGIAN B (10 markah)**2. SAMA ADA**

- (a) Andaikan negara-negara di dunia dibahagikan kepada dua kumpulan: negara maju, yang mengeksport barangan pembuatan, dan negara kurang maju, yang mengeksport barangan mentah. Dengan bantuan rajah keluk tawaran, huraikan kesan-kesan pertumbuhan permintaan yang lemah oleh negara maju terhadap eksport negara kurang maju dan pertumbuhan permintaan yang pesat oleh negara kurang maju terhadap eksport negara maju.

(10 markah)

ATAU

- (b) Jelaskan mengapa, secara amnya, intensiti faktor barangan yang dieksport oleh sesebuah negara berbeza daripada intensiti faktor barangan yang diimport oleh negara yang sama.

(10 markah)

BAHAGIAN C (15 markah)**3. SAMA ADA**

- (a) Berbagai alasan atau sebab atau objektif telah dikemukakan mengapa sesebuah negara mengenakan tarif terhadap importnya. Pilih mana-mana satu alasan atau objektif dan (a) terangkan bagaimana pengenaan tarif boleh mencapai matlamat ini, dan (b) terangkan bagaimana objektif yang sama dapat dicapai dengan menggunakan kaedah lain dan pada masa yang sama negara menanggung kos yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kos kerana pengenaan tarif.

(15 markah)

ATAU

- (b) Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan "hujah industri muda" dan mengapakah jarang sekali industri muda menjadi "industri matang".

(15 markah)

ATAU

- (c) "Tarif akan memberi hasil kepada kerajaan dan melindungi industri tempatan. Jadi, semakin tinggi kadar tarif, maka semakin banyaklah hasil tarif yang dipungut dan semakin tinggilah perlindungan yang diberikan kepada industri tempatan". Setujukah anda dengan pernyataan ini? Bincangkan.

(15 markah)

BAHAGIAN D (15 markah)**4. SAMA ADA**

- (a) Pada tahun 2000, Malaysia akan mengharamkan pengeksporan kayu yang sudah digergaji. Diandaikan Malaysia sebagai sebuah negara kecil di pasaran antarabangsa, dan permintaan kayu digergaji di Malaysia adalah anjal, bincangkan kesan tindakan ini terhadap perdagangan Malaysia dan kebajikan masyarakat Malaysia.

(15 markah)

ATAU

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan lambakan? Mengapakah pengguna dalam negeri mengalu-alukan tindakan lambakan oleh pengeksporn negara asing di negara sendiri manakala pengeluar-pengeluar dalam negeri bimbang dengan tindakan ini. Jelaskan.

(15 markah)

ATAU

- (c) Berikan satu ringkasan tentang kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang yang akan dinikmati oleh negara-negara ASEAN jika negara-negara ahli menubuhkan kesatuan kastam.

(15 markah)

oooOooo